**LAMPIRAN A**



Anjuran Bersama:
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU

# PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018

**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS)**

**Nama Penuh** : ______________________________

**(mengikut kad pengenalan)**

**(Bagi penyertaan secara berkumpulan, sila isikan butiran ahli di Lampiran A)**

**No. Kad Pengenalan** : ______________________________ **Umur** : __________

**No. Kad OKU** : ____________________ **(Jika Berkenaan)**

**Jantina** : **Lelaki** ☐ **Perempuan** ☐

**Alamat Surat-menyurat** : ______________________________
______________________________

**Nombor Telefon** : ______________________________

**Alamat Emel** : ______________________________

**Perakuan** : **Dengan ini, saya mengesahkan bahawa penyertaan yang disertakan ini adalah hasil karya asal saya. Saya bersetuju dengan semua syarat-syarat pertandingan ini.**

**Tandatangan** : ____________________ **Tarikh** : __________

## Untuk Kegunaan Pejabat

**Dokumen Penyertaan** : **Lengkap** ☐ **Tidak Lengkap** ☐

**Penerimaan** : **Tarikh** ☐ **Masa** ☐

**Nama Penerima** : ______________________________

**Tandatangan** : ____________________ **Tarikh** : __________

****Nota: Borang yang TIDAK LENGKAP dan TIDAK DITANDATANGAN oleh peserta dikira TIDAK LAYAK menyertai pertandingan ini.**

**LAMPIRAN B**

| | |
|---|---|
| Anjuran :<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU | **PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**<br><br>(**WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS**) |

## SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

**Nama Ahli (1)** : ______________________________

**(mengikut kad pengenalan)**

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : ____________

**No. Kad OKU** : ____________________ **(Jika Berkenaan)**

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________ **Emel** : ____________

**Nama Ahli (2)** ______________________________

**(mengikut kad pengenalan)**

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : ____________

**No. Kad OKU** : ____________________ **(Jika Berkenaan)**

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________ **Emel** : ____________

**Nama Ahli (3)** : ______________________________

**(mengikut kad pengenalan)**

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : ____________

**No. Kad OKU** : ____________________ **(Jika Berkenaan)**

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________ **Emel** : ____________

**Nama Ahli (4)** : ______________________________

**(mengikut kad pengenalan)**

**No. Kad Pengenalan** : ____________________ **Umur** : ____________

**No. Kad OKU** : ____________________ **(Jika Berkenaan)**

**Perhubungan** : **No. Telefon** ____________ **Emel** : ____________

**LAMPIRAN C**

| | |
|---|---|
|  Anjuran :<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,<br>KKM dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU | **PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**<br><br>**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS)** |

# BORANG KEBENARAN IBU BAPA
# (BAGI PELAKON BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN)

**Saya ________________________________________ (Ibu / Bapa / Penjaga*) No. Kad Pengenalan ________________________________________ membenarkan anak / anak jagaan saya __________________________________ No. Kad Pengenalan ________________________ untuk terlibat dalam penerbitan video bagi Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), Peringkat Kebangsaan Tahun 2018, anjuran bersama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya.**

**Sekian, terima kasih.**

**Tandatangan : ________________________________**
**(Ibu Bapa / Penjaga)**

**Tarikh :**

***Potong mana yang tidak berkenaan.**

**LAMPIRAN D**

| | |
|---|---|
|  Anjuran :<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,<br>KKM dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU | **PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**<br><br>**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS)** |

# BORANG PERSETUJUAN MENGGUNAKAN GAMBAR/ IMEJ INDIVIDU

**Saya ________________________________________ No. Kad Pengenalan ______________________________________ bersetuju bahawa gambar / imej saya digunakan untuk penerbitan video bagi Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 yang dianjurkan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya.**

**Sekian, terima kasih.**

**Tandatangan : ______________________________**

**Nama : ______________________________**

**Tarikh : ______________________________**

**LAMPIRAN E**

| | |
|---|---|
| Anjuran :<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,<br>KKM dan Majlis Kebangsaan Bagi OKU | **PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**<br><br>**(WARGANEGARA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS)** |

# ***STORYBOARD*** **VIDEO**

Format *storyboard* adalah menggunakan jenis font arial, saiz tulisan 11 dan *single spacing.*

**Tajuk Video :**

______________________________________________

**Nama Peserta :**

______________________________________________

**TERMA DAN SYARAT**
**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU), PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**

## A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan OKU adalah anjuran bersama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya.

2. Tempoh pertandingan ini adalah selama **2 ½ bulan bermula dari 15 Jun hingga 1 September 2018.**

3. Tema pertandingan adalah **'Jom Amalkan Cara Hidup Sihat! (Let's Practice Healthy Lifestyle!)'.**

4. Mesej adalah terbuka kepada **semua kategori OKU**, namun mesti mempunyai sekurang-kurangnya **satu daripada lima (5) skop kempen amalan cara hidup sihat KKM**.

## B. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.

2. Penyertaan adalah **PERCUMA**.

3. Setiap peserta boleh menghantar **lebih dari satu penyertaan**. Walau bagaimanapun, setiap peserta hanya **layak untuk menerima satu hadiah** sahaja.

4. Penyertaan adalah secara **individu (LAMPIRAN A)** atau **berkumpulan (LAMPIRAN A & B)**. Bagi penyertaan berkumpulan, setiap kumpulan hendaklah **tidak lebih dari 5 orang (termasuk ketua kumpulan)**.

5. Genre terbuka seperti drama, sketsa, komedi dan dokumentari sahaja.

6. Sekiranya melibatkan pelakon **di bawah umur 18 tahun** di dalam penghasilan video pertandingan ini, Borang Kebenaran Ibubapa / Penjaga perlu diisi **(Lampiran C)**.

7. Setiap produksi boleh melibatkan seberapa ramai pelakon.

8. Kos penyediaan video adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.

9. Konsep video adalah berdasarkan tema **'Jom Amalkan Cara Hidup Sihat! (Let's Practice Healthy Lifestyle!)'**. Video yang dihasilkan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya **satu (1) daripada lima (5) skop kempen amalan cara hidup sihat KKM**, iaitu:

   i. Aktiviti Fizikal
   ii. Makan secara sihat
   iii. Tak nak merokok
   iv. Bijak tangani stress
   v. Sihat tanpa alkohol

   *Antara sumber rujukan yang boleh digunakan adalah melalui laman sesawang KKM berikut : **www.infosihat.gov.my & www.myhealth.gov.my**

10. Video yang dihasilkan hendaklah meliputi aspek **promosi amalan cara hidup sihat** yang boleh menjadikan golongan OKU ini meneruskan kehidupan yang bahagia dan sejahtera meskipun mempunyai berbagai halangan. Karya mesti berbentuk **POSITIF dan KREATIF serta mempunyai nilai komersial.**

11. Durasi karya adalah **tidak melebihi 90 saat**. Tempoh ini termasuk montaj dan kredit (penghargaan).

12. Peserta boleh menggunakan:

    **i. Bahasa Malaysia, dengan sarikata Bahasa Malaysia; atau**
    **ii. Bahasa Inggeris, dengan sarikata Bahasa Inggeris.**

13. Semua penyertaan **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan ***close caption*** pada video yang dihantar.

14. Hasil karya hendaklah sesuai untuk diterbit dan dipapar dalam segala bentuk media video. Format yang dibenarkan adalah **MOV & MP4.**

15. **Resolusi minima video** yang dihantar adalah **video Full HD – 1080p (1920 x 1080 pixel resolution).**

16. Peserta **perlu memuatnaik video yang ingin dipertandingkan di platform *Google Drive***. Kongsikan pautan video (link video) tersebut ke alamat emel **videoSIHATOKU2018@gmail.com**

17. Pastikan **semua gambar individu / imej yang diguna perlu mendapat persetujuan** bertulis dengan melengkapkan **Borang Persetujuan Gambar / Imej Individu (LAMPIRAN D).**

18. Setiap penyertaan video **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan ***storyboard* video**. Format storyboard adalah menggunakan *font Arial*, saiz tulisan 11 dan *single spacing* **(LAMPIRAN E).**

19. Pastikan semua muzik yang digunakan **berstatus bebas royalti.** Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta.

20. Karya yang dihasilkan adalah manifestasi kreativiti peserta, mengandungi nilai-nilai murni dan **tidak boleh** mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan pemimpin.

21. Setiap penyertaan mestilah merupakan **kerja asal / asli.**

22. Semua penyertaan **tidak boleh** dimuat naik ke mana-mana portal sebelum mendapat kebenaran penganjur.

23. Setiap hasil karya juga mestilah **tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan video** dan tidak pernah dimuat naik ke mana-mana medium / portal online atau media massa.

24. Penyertaan akan **dibatalkan** sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan **tidak asli / diciplak**.

25. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.

26. **Sijil penyertaan hanya diberikan** kepada peserta yang **menghantar penyertaan lengkap dan memenuhi syarat sahaja.** Sijil penyertaan akan dihantar melalui email.

## C. Tuntutan Hak Cipta

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memiliki hak cipta sepenuhnya terhadap karya yang dihasilkan.

2. KKM berhak menggunakan karya penyertaan untuk tujuan promosi Program / Perkhidmatan Kesihatan OKU dan dalam semua bentuk promosi kesihatan yang lain.

3. KKM berhak untuk membuat suntingan terhadap video penyertaan bagi tujuan pendidikan, penyiaran dan promosi kesihatan.

## D. Tempoh pertandingan

1. Pertandingan bermula pada **15 Jun 2018 hingga 1 September 2018** (selama 2½ bulan).

2. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **1 September 2018.**

3. Peserta dikehendaki menghantar penyertaan yang lengkap melalui alamat emel **videoSIHATOKU2018@gmail.com, selewat-lewatnya pada 1 September 2018 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari** dengan memuat naik perkara-perkara seperti berikut:

   i. **LAMPIRAN A - Borang Penyertaan Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan OKU, Peringkat Kebangsaan Tahun 2018, yang telah lengkap diisi (format PDF);**

   ii. **LAMPIRAN B - Penyertaan berkumpulan sahaja (Format PDF);**

   iii. **LAMPIRAN C - Borang Kebenaran Ibu Bapa / Penjaga jika menggunakan pelakon dibawah umur 18 tahun (Format PDF);**

   iv. **LAMPIRAN D - Borang Kebenaran Penggunaan Gambar / Imej Individu(Format PDF);**

   v. **LAMPIRAN E - *Storyboard* video (Format PDF);**

   vi. **Sertakan pautan video (video link) di alamat emel videoSIHATOKU2018@gmail.com**

4. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup.

## E. Keputusan Pertandingan

1. Setiap karya akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksi oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.

2. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.

3. Pemenang akan dihubungi melalui pos, telefon dan emel.

**F. Hadiah Pertandingan**

1. Tawaran hadiah adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Hadiah Tempat Pertama | : RM 10,000 dan sijil penyertaan |
| Tempat Kedua | : RM 6,000 dan sijil penyertaan |
| Tempat Ketiga | : RM 4,000 dan sijil penyertaan |

2. Sijil penyertaan akan diberi kepada semua pemenang dan semua peserta pertandingan (tertakluk kepada Perenggan B, Perkara 26)

**Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Urusetia**
**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK AMALAN CARA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2018**

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E10, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya

| **Pn. Melor binti Selar** | **Dr. Nuzul Elme** | **Cik Ain** |
|---|---|---|
| 03-8883 4106 | 03-8883 4377 | 03-8883 3653 |
| melors@moh.gov.my | nuzul.elme@moh.gov.my | sharulnaim@moh.gov.my |


Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.infosihat.gov.my
www.myhealth.gov.my